

CNS7480

U GB 23-08 00208 BA601

aab

Mahathir - Anwar

DR MAHATHIR ULANGI SIKAP BERKECUALI

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendiriannya untuk berkecuali dalam pemilihan jawatan Timbalan Presiden Umno November ini sambil menyatakan bahawa tugasnya ialah merapatkan semula anggota Umno selepas pertandingan agar parti terus kukuh.

Perdana Menteri berkata, mereka yang bertanding hendaklah berkempen secara elok dan tidak menimbulkan masalah kepada Umno dan negara serta tidak memberi "bahan" kepada parti pembangkang "menghentam" Umno.

"Tugas saya, kalaupun kita tidak dapat elak daripada pertandingan, ialah selepas keputusan, saya kembalikan rapatkan semua anggota Umno. Yang kalah, yang menang mesti bersatu balik supaya kita dapat tentukan Umno terus kukuh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Taman Wawasan Public Bank di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta mengulas pengumuman Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pagi tadi yang menyatakan kesediaannya bertanding jawatan Timbalan Presiden, yang kini disandang Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Anwar, yang juga seorang Naib Presiden Umno, membuat pengumuman itu pada persidangan akhbar yang turut dihadiri majoriti pemimpin Umno termasuk menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, menteri-menteri besar, ketua menteri dan ketua-ketua bahagian Umno di ibu pejabat Umno. -- lagi.

▼23/08/19-29MEF

U GB 23-08 00115 BA607

aab

Mahathir - Anwar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika diminta komennya berhubung keputusan Anwar untuk bertanding jawatan itu, Dr Mahathir berkata: "itu keputusannya."

Katanya, Anwar memang ada memberitahunya mengenai keputusan itu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu memberi restu kepada sesiapa pun untuk bertanding kerana ingin berkecuali.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa pendirian berkecualinya itu sebenarnya memihak Anwar, Dr Mahathir berkata: "itu interpretasi, sesiapa sahaja boleh buat interpretasi apapun."

Mengenai saranan beberapa orang pemimpin Umno, termasuk Menteri Besar dan Ketua Menteri, supaya Ghafar memberi laluan kepada Anwar menjawat jawatan itu, Presiden Umno itu berkata: "itu pendapat mereka". -- Bernama.

AH HK NMO

▼23/08/19-29MEF